



KENYATAAN MEDIA

BERHUBUNG KES KEMATIAN PEGAWAI KADET SYAMSUL HARIS, PALAPES UTM

1. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengambil maklum dan menghormati keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 26 Ogos 2025 berhubung pelaksanaan semula proses bedah siasat ke atas Allahyarham Pegawai Kadet Syamsul Haris, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
2. Dalam soal ini, saya memberi jaminan bahawa ATM akan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak berwajib sepanjang siasatan dijalankan bagi memastikan keadilan kepada Allahyarham dapat ditegakkan.
3. Kementerian Pertahanan akan terus memantau perkembangan kes ini dan menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menyempurnakan siasatan mengikut prinsip undang-undang yang berkuat kuasa.

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN

MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

27 OGOS 2025